

Jurutera urus perniagaan waktu malam, hujung minggu

Kuala Lumpur: Semakin ramai golongan yang bekerja, tidak kira dalam sektor awam atau swasta kini melakukan kerja sampingan bagi menampung perbelanjaan harian yang kian meningkat, terutama bagi yang menetap di bandar besar.

Langkah sama turut diambil Nur Diyana Sahrur Rudy, 27, yang berniaga sampingan menjual pakaian Muslimah seperti tudung dan skirt walaupun mempunyai kerjaya tetap sebagai jurutera perisian di sebuah syarikat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) di Cyberjaya sejak satu setengah tahun lalu.

"Perkara paling penting jika golongan pekerja nak berniaga secara sampingan ialah perlu pandai

bahagikan masa supaya tidak mengganggu kerja hakiki. Saya hanya menguruskan perniagaan pada waktu malam selepas pulang dari kerja atau hujung minggu, manakala pada waktu siang, saya minta bantuan adik," katanya.

Mula dengan modal kecil

Nur Diyana yang menetap di Taman Bangi Indah, Bangi, bersyukur kerana keluarga turut membantu perniagaan kecil-kecilan yang diusahakannya secara suka-suka sejak tiga tahun lalu dengan modal RM300 ketika masih menutut di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Pada awal perniagaan yang dipromosi menerusi Facebook dan

Instagram, beliau hanya menjual kira-kira 20 helai tudung sebelum menumpukan kepada produk skirt Muslimah yang kini menarik langganannya antara 500 hingga 700 helai sebulan.

"Saya kini turut menjual skirt di bawah jenama 'by Diyana Rudy' di dua kedai vendor, masing-masing di Bandar Baru Bangi dan Ipoh, Perak," katanya sambil menambah, majikannya tidak menghalang kakitangan menjalankan perniagaan atau kerja sampingan asalkan tidak mengganggu tugas hakiki.

Beliau mengakui, kebergantungan kepada satu sumber pendapatan sahaja tidak mencukupi dengan kos sara hidup yang semakin meningkat kini.

"Saya lihat semakin ramai mula melakukan kerja sampingan bagi mencari pendapatan tambahan dan ia sesuatu yang bagus. Apa yang penting, kita perlu pandai uruskan masa supaya tidak menjelaskan produktiviti di tempat kerja," katanya.

Saya lihat semakin ramai mula melakukan kerja sampingan bagi mencari pendapatan tambahan dan ia sesuatu yang bagus.

Apa yang penting, kita perlu pandai uruskan masa supaya tidak menjelaskan produktiviti di tempat kerja"

Nur Diyana Sahrur Rudy, Jurutera / Ahli perniagaan

